

12/03/1997

KPB perkukuh operasi ke Afrika

Azizi Othman

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (KPB), akan berusaha memperkukuhkan kegiatannya di sektor perkhidmatan perkapalan ke rantau Afrika bagi memantapkan lagi operasinya pada masa depan.

Pengerusi Eksekutif KPB, Mirzan Mahathir berkata, langkah itu dibuat berikutan rantau Afrika menjanjikan potensi perkembangan besar dalam jangka terdekat dan sederhana.

Katanya, perkembangan pesat ekonomi beberapa negara Afrika kebelakangan ini bermakna akan berlaku lebih banyak dagangan di antaranya dengan keseluruhan dunia dalam pelbagai bidang.

"Ini sudah pasti memberi peluang yang baik kepada kami yang bertumpu di sektor perkapalan," katanya pada Perbincangan Meja Bulat Majlis Perniagaan Amerika-Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

Mirzan berkata, cadangan memperkukuhkan perkhidmatan perkapalan di Afrika itu juga dibuat berikutan saranan kerajaan menggalakkan kerjasama di kalangan negara Selatan-Selatan.

Ditanya mengenai pelaburan yang mungkin dibuat untuk tujuan itu beliau berkata, ia tidak semestinya dalam bentuk kewangan kerana KPB boleh menggunakan pelbagai cara lain termasuk mengadakan kerjasama dengan syarikat di sana.

Ketika ini, KPB yang juga satu daripada kumpulan syarikat perkapalan terbesar di Malaysia, giat memperluaskan operasi perkapalannya ke luar negara menerusi usaha sama dan pengambilalihan.

Mirzan sebelum ini dilaporkan berkata, KPB dijangka mampu muncul sebagai satu daripada syarikat perkapalan serantau terkemuka termasuk di Asia dan Afrika dalam tempoh tiga tahun.

Untuk tujuan itu katanya, KPB perlu mempunyai angkatan kapal dan pengangkut kontena yang besar di laut serta darat untuk membolehkan ia beroperasi secara cekap, selain memberikan perkhidmatan menyeluruh.

Antara penerokaan seberang lautnya kini ialah pembangunan pelabuhan dalaman di Thailand dan Indonesia serta terbabit dalam syarikat usaha sama yang menguruskan sebuah kemudahan seumpama itu di New Delhi, India.

Sementara itu, mengenai kemungkinan beliau akan mengambil sebahagian daripada ekuiti dalam Westport Holdings Sdn Bhd (Westport), pengendali Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, beliau berkata, ia tiada dalam agenda kumpulan.

"Bagaimanapun, jika ditawarkan pihaknya mungkin mempertimbangkan perkara itu kerana operasi berasaskan pelabuhan memang mempunyai kesan bersinergi dengan kegiatan kumpulan berkenaan," katanya.

Menurutnya, sebagai kumpulan perniagaan yang pesat berkembang sudah tentu KPB tidak akan menolak kemungkinan untuk memperluas serta mempelbagaikan operasinya ke sektor yang berkaitan.

(END)